

# Silat Piala Timbalan Perdana Menteri jadi buruan

KUALA LUMPUR - Dataran Pahlawan Melaka Megamall, Melaka bakal menyaksikan pertempuran silat antara pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dari seluruh pelosok dunia pada Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa 2013 Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi Ke-4.

Kejohanan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) itu akan berlangsung selama enam hari bermula 15 hingga 20 September ini.

Sebanyak 198 pingat menjadi rebutan daripada lima kategori dipertandingan, antaranya silat olahraga kategori IPT dalam negara dan luar negara, silat seni kategori IPT dalam negara dan luar negara serta silat olahraga kategori remaja.

“Objektif kejohanan ini sudah tentulah sebagai salah satu medium bagi penambahbaikan dari segi pembangunan sukan silat selain menyambung tradisi masyarakat Melayu.

“Bukan itu sahaja, kita juga dapat menarik minat, mencungkil bakat, menguji tahap kemampuan serta meningkatkan prestasi atlet dalam sukan silat ini.

“Selain itu, ia sebagai persiapan terbaik bagi pasukan pelapis mahupun elit kebangsaan,” kata Setiausaha Bahagian Sukan (Sektor Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Hazally Jali pada majlis sidang media yang diadakan di Majlis Olimpik Malaysia, semalam.

Menurut Hazally, antara penyertaan pasukan IPT luar negara adalah dari Algeria, Bangladesh, Brunei, Indonesia, Nigeria, Singapura, Somalia, Thailand, Vietnam dan Yaman.

Tambahnya, sebanyak enam piala akan menjadi milik juara bagi kategori masing-masing.

“Antaranya, piala bagi pesilat terbaik IPT dalam negara, piala untuk pesilat terbaik IPT luar negara, juara keseluruhan Piala Timbalan Perdana Menteri luar negara dan juara keseluruhan Piala Timbalan Perdana Menteri dalam negara,” ujarnya.



**HAZALLY** (dua dari kiri) bersama wakil-wakil penganjur mempamerkan trofi yang menjadi rebutan selepas sidang akhbar Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri 2013 di Kuala Lumpur, semalam.